Penggerak Kemajuan Saksama

# Selangor Kini

**PERCUMA** 28 September - 5 Oktober 2012, 12 - 19 Zulkaedah 1433



'Masjid Angkat' bawa belia dekati masjid muka 7

PKNS Infra Berhad nafi terlibat aktiviti curi air muka 12

Pusat kebudayaan di tebing Sungai Gombak muka 14



# Program agama makin rancak di Selangor

## Orang muda majoriti terlibat



**HEBAT...** program keagamaan semakin rancak sejak Pakatan Rakyat mentadbir Selangor yang menunjukkan kerjasama erat antara golongan agamawan dan pemimpin. Gambar kecil: Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak kekok hadir bersama rakyat mendengar kuliah subuh di Masjid Negeri

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Di bawah Pakatan Rakyat (PR) program-program keagamaan bertambah rancak di Selangor dengan penglibatan golongan muda yang secara tradisi dilihat kurang minat dengan program agama.

Tetapi kini penglibatan golongan ini mencecah 50 peratus di dalam sesetengan acara.

Malah ciri-ciri keagamaan berjaya diadunkan di dalam program-program yang dahulu hanya berbentuk hiburan seperti sambutan ambang Tahun Baru dan Hari Belia peringkat Selangor.

Pendekatan ini membawa program keagamaan 'keluar' masjid, sekali gus memperkenalkan kepada golongan yang sebelum ini tidak biasa dengan program tersebut.

Populariti program agama sekarang juga melahirkan beberapa 'ustaz ikon' yang mempunyai berpuluh ribu golongan peminat seperti penceramah bebas Ustaz Azhar Idrus dan Ustaz Don Daniyal.

Kejayaan tersebut disifatkan berpunca daripada hasil pendekatan dan kerjasama erat antara golongan agamawan dan Kerajaan Selangor pimpinan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

lihat muka 3

## Sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri meningkat 50%

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SHAH ALAM** - Satu kajian Universiti Malaya menunjukkan sokongan terhadap pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) Selangor meningkat kepada 50 peratus berbanding 38 peratus pada awal tahun ini.

Kajian itu juga menunjukkan 30 peratus responden yakin bahawa PR akan menguasai Putrajaya dalam pilihan raya akan datang. Ini merupakan peningkatan dari angka 21 peratus yang dicatat dalam tempoh Mac hingga April tahun ini.

Manakala BN mencatatkan penurunan sokongan di peringkat nasional dan Selangor.

Di Selangor, sokongan terhadap BN merosot kepada 16 peratus berbanding 28 peratus empat bulan lalu.

Pada peringkat nasional pula hanya 44 peratus daripada responden yakin yang BN akan terus menguasai Putrajaya.

Manakala 36 peratus tidak pasti siapakah yang akan menang di peringkat nasional.

Tinjauan pendapat itu dilakukan oleh Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL) dan bertajuk Pola Pengundian Menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13.

Ia diadakan pada tempoh 1 hingga 16 September lepas di seluruh Semenanjung Malaysia.

Keputusan kajian ini dibandingkan dengan satu lagi kajian yang dilakukan dari 31 Mac hingga 15 April lalu.

Bilangan responden ialah 1,5 36 dengan kajian dilakukan secara bersemuka yang melibatkan peserta Melayu, Cina dan India.

lihat muka 2

# Noh digesa tidak jual tanah MARDI

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Noh Omar digesa tidak meneruskan hasrat menjual tanah milik Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Serdang seluas 200 ekar kepada mana-mana pihak hanya untuk meraih keuntungan.

Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari berkata, Kerajaan Negeri menolak permohonan MARDI untuk menukar status tanah itu daripada pertanian kepada perniagaan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada minggu lalu.

Dr Yaakob memberitahu pada waktu ini tanah milik MARDI berkenaan sedang dalam proses rundingan untuk dijadikan tapak universiti swasta yang berorientasikan keuntungan semata-mata.

Beliau menegaskan Noh selaku Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani sepatutnya melakukan transformasi terhadap MARDI untuk dijadikan sebagai salah satu pusat pertanian yang unggul di dunia.

"Selaku menteri kabinet, beliau seharusnya menasihat ahli-ahli mesyuarat kabinet yang lain supaya mempertahankan tanah tersebut daripada terus dijual.

"Difahamkan MARDI tidak bersetuju dengan arahan menteri kabinet yang ingin menjual tanah tersebut dengan harga yang sangat rendah," kata Dr Yaakob pada sidang media yang diadakan di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Beliau berkata, tanah itu mahu dijual pada harga kira-kira RM14.50 sekaki persegi walaupun harga pasaran adalah sekitar antara RM80 hingga RM100 sekaki persegi di kawasan itu.

Tambah Dr Yaakob, tanah milik MARDI ketika ini sebahagiannya dijadikan tapak Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Ujarnya, setiap tahun jutaan tetamu yang hadir mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA).

"Jika ada pihak swasta yang ingin mahukan tempat untuk pembangunan universiti atau hospital, Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tapak pembangunan di tempat- tempat lain, tetapi bukannya di tapak milik MARDI di Serdang," katanya.



**"Selaku menteri kabinet beliau seharusnya menasihat ahli-ahli mesyuarat kabinet yang lain supaya mempertahankan tanah tersebut dari terus dijual"**

**- DR YAAKOB SAPARI**
Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan

# Isu air: KeTTHA didakwa ingkar tanggungjawab awam

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mendakwa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) ingkar tanggungjawab dalam usaha mengambil alih operasi bekalan air terawat di negeri ini.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, tanggungjawab ini seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 191 (4) Akta Perkhidmatan Air.

Menurut Bahagian 7 (Pemindahan Perniagaan) Akta tersebut tiada sesiapa berhak membuat perjanjian atau perkiraan yang akan mengakibatkan pertukaran dalam kawalan, penjualan, pelupusan atau pindah milik.

Sebarang penyatuan, percantuman atau penyusunan semula pemegang lesen juga tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan menteri. Menteri tersebut adalah Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.

Menurutnya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Selangor (Span) juga didakwa menyalah guna budi bicara apabila memberi tempoh lanjutan kepada syarikat-syarikat konsesi untuk beroperasi dari bulan ke bulan.

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

*KeTTHA tidak jalankan peranan*

Tindakan ini jelasnya memperlekeh kewajaran syarikat-syarikat konsesi berkenaan supaya mematuhi kemahuan Kerajaan Negeri.

"Oleh kerana Kerajaan Pusat menerima cadangan penyusunan holistik dan merupakan pemegang Saham Emas dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), maka wajar syarikat konsesi lain menerima tawaran yang akan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri," kata Abdul Khalid kepada pemberita.

Sekiranya syarikat konsesi tidak bersetuju dengan tawaran yang akan dikemukakan, mereka boleh merujuk kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa dan Kerajaan Negeri akan akur apa juga keputusan yang dibuat oleh badan berkenaan.

Abdul Khalid berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, di Bangunan SUK di sini.

Dalam sidang media yang sama, Abdul Khalid turut memaklumkan Kerajaan Negeri akan menjemput Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin untuk membincangkan pelaksanaan penyusunan semula industri perkhidmatan air dan pembinaan Loji Rawatan Langat 2.

"Saya akan maklumkan kepada Muhyiddin bahawa usaha penyelesaian penyusunan industri air secara holistik di Selangor masih terbantut akibat sikap berdolak-dalih syarikat konsesi dan keengganan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan kuasa-kuasa berkanun di bawah Akta 655," ujarnya.

**"Sekiranya syarikat konsesi tidak bersetuju dengan tawaran yang akan dikemukakan, mereka boleh merujuk kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa dan Kerajaan Negeri akan akur apa jua keputusan yang dibuat oleh badan berkenaan"**

**- ABDUL KHALID**

dari muka depan

## Sokongan terhadap BN terhakis

Antara keputusan lain yang diperoleh adalah 72 peratus berharap satu debat diadakan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Manakala 66 peratus percaya integriti pemimpin BN akan menghakis sokongan kepada BN.

Sementara itu, 55 peratus bersetuju kontroversi mengenai Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) akan memberi kesan kepada sokongan BN.




*Pola Pengundian Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13, hasil kajian Universiti Malaya*

# Naik elaun guru KAFA bukti keikhlasan MB jadikan Selangor negeri terbaik

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Menaikkan elaun guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) dianggap langkah tepat Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bagi menjadikan Selangor sebagai negeri yang mendapat kebaikan dan keampunan Allah SWT.

Langkah ini memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah, akhlak dan peribadi para pelajar, sekali gus mengelak terjebak ke kancah gejala sosial yang tidak sihat.

Demikian menurut Imam Besar Masjid Negeri Selangor, Ustaz Ahmad Mustafa Mohd Sidin dalam satu wawancara eksklusif dengan Selangor Kini di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

> **Sumbangan guru agama Kafa dalam pembangunan jiwa sangat penting, tetapi mereka menerima imbuhan yang sangat sedikit sebelum ini, langkah terbaru Kerajaan Negeri ini memberi semangat baru kepada guru-guru agama ini**



*Guru agama memainkan peranan penting di dalam membentuk sahsiah pelajar*

"Sumbangan guru agama Kafa dalam pembangunan jiwa sangat penting, tetapi mereka menerima imbuhan yang sangat sedikit sebelum ini, langkah terbaru Kerajaan Negeri ini memberi semangat baru kepada guru-guru agama ini," kata beliau.

Ahmad juga berpendapat, masalah kekurangan guru yang dihadapi sekolah agama terlibat juga dapat diatasi dengan pengumuman kenaikan elaun ini.

"Kepadatan penduduk Islam di sesetengah tempat di Selangor ini sehinggakan sekolah-sekolah Kafa ini penuh, sebab rata-rata masyarakat Islam menghantar anak mereka di sini," ujar Ahmad lagi.

Pada Mei lalu, guru-guru Kafa yang bertugas di Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di seluruh Selangor menikmati kenaikan sebanyak RM300, menjadikan jumlah keseluruhan pendapatan mereka sebanyak RM1,300 sebulan.

Selain kenaikan elaun itu, guru-guru terlibat turut menerima tunggakan bayaran kenaikan yang dikira bermula pada Januari tahun yang sama.

Kenaikan tersebut merupakan kenaikan kali kedua sejak Pakatan Rakyat (PR) menerajui pentadbiran negeri.

## REAKSI ORANG RAMAI



Saya suka program keagamaan sedemikian yang nyata memberikan manfaat kepada semu lapisan masyarakat. Hari ini terlalu banyak hiburan, namun tidak ada pengisian. Ia bahaya terutama kepada anak muda. Sekiranya tidak ada program keagamaan, makin ramai orang muda jauh daripada alim ulama dan ilmu berkaitan Islam. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan Pakatan Selangor.

**Ahmad Mukhlis Jihbaz Azami, 25**



Alhamdulillah... walaupun saya baru tiga tahun tinggal di Shah Alam, saya amat bangga dengan usaha Kerajaan Negeri sekarang yang amat menggalakkan masjid dan surau mengadakan majlis-majlis ilmu. Lambakan taman syurga ini ada kalanya memberikan banyak pilihan kepada Muslimin dan Muslimat, terutama pengajian menarik yang disampaikan oleh tokoh-tokoh yang berpengalaman.

**Syahirul Adli Mhd Nor, 26**

Saya dapat lihat banyak program-program agama dijalankan di setiap surau dan masjid di negeri ini. Langkah ini memberikan pendedahan positif kepada semua golongan belia. Melalui cara ini kita dapat lihat Pakatan Selangor ingin membentuk golongan belia yang berakhlak mulia dan tahu membezakan antara hak atau bathil.

**Mohammad Termizi Suhaimi, 29**

dari muka depan

# Ulama mampu menarik golongan muda dekati Islam

Demikian menurut Imam Besar Masjid Negeri Selangor, Ustaz Ahmad Mustafa Mohd Sidin dalam satu wawancara eksklusif dengan Selangor Kini di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah baru-baru ini.

"Ada kalangan penceramah kita hari ini berjaya menarik golongan anak muda dan pengalaman saya sendiri di masjid ini dengan adanya 'ustaz ikon' sebegini kita tengok program kita sudah ada 50/50 atau pun 40/60 peratus sebahagiannya adalah orang muda.

"Ini adalah tanggungjawab besar yang berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan kita berharap dapat diteruskan, bukan sahaja di peringkat negeri, tetapi di peringkat kecil-kecilan di daerah-daerah," kata beliau.

Sementara itu, penceramah bebas Ustaz Muhammad Shamsuda Mat Yusoff berkata, program ilmu agama juga semakin tersebar luas di peringkat daerah dan bawahan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sering mengundang 'penceramah selebriti' untuk menceriakan suasana.

"Cara itu mendekatkan hubungan sesama masyarakat Islam. Lebih-lebih lagi untuk anak muda yang tidak punyai arah tuju kehidupan.

"Peningkatan kesedaran masyarakat khususnya remaja mula bertambah baik di bawah program anjuran Kerajaan Negeri dan PBT," beliau berkata apabila dihubungi.

Antara himpunan bertemakan agama yang diadakan secara besar-besaran adalah, sambutan ambang Tahun Baru 2012 dan Sambutan Hari Belia Antarabangsa peringkat Selangor 2012,



> **Ini adalah tanggungjawab besar yang berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan kita berharap dapat diteruskan, bukan sahaja di peringkat negeri, tetapi di peringkat kecil-kecilan di daerah-daerah**
>
> **USTAZ AHMAD MUSTAFA MOHD SIDIN**
> Imam Besar Masjid Negeri Selangor

kedua-dua di Dataran Kemerdekaan, dan Karnival Selangorku 'Selangor Motor Race 2012' di litar Speedway Plus Circuit Elite USJ.

Dalam pada itu Ahmad Mustafa juga berkata, mungkin pendekatan dahulu berbeza sehingga orang muda menganggap ceramah agama ini untuk orang tua sahaja.

Apabila penceramah turun padang atau stadium yang disukai orang muda, akhirnya menarik hati orang muda ini datang ke masjid dan surau.

"Bagi saya ini adalah kejayaan yang baik dan berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri," kata Ahmad Mustafa lagi.

Ahmad Mustafa juga menjelaskan, berbeza dengan dahulu, program di masjid juga bertambah dengan pelbagai kelas agama dan mendapat sambutan positif daripada masyarakat Islam Selangor.

"Kita dapat tengok masjid adakan kuliah keagamaan pelbagai waktu, kalau dahulu kuliah cuma diadakan selepas maghrib atau selepas subuh.

"Tetapi sekarang pada waktu pagi sudah bermula seperti kuliah duha yang dahulu kita tak pernah dengar, sekarang dah ada dan juga kelas selepas waktu asar.

"Kalau hari Sabtu dan Ahad, kuliah diadakan dari pagi hinggalah ke malam," ujar beliau lagi.

Menurut Ahmad, pernah dalam sebuah program yang diadakan pada waktu subuh di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebelum ini, mencatatkan kehadiran orang ramai yang menyamai kehadiran solat Jumaat di masjid yang sama.

# 1MDB beli IPP tidak munasabah

SHAH ALAM - Keputusan Kerajaan Pusat membeli penjana kuasa bebas (IPP) tertentu menerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disifatkan tidak munasabah dan menimbulkan pelbagai persoalan.

Ini berlaku meskipun Suruhanjaya Tenaga Malaysia memberi jaminan yang segala perjanjian konsensi baru dengan mana-mana IPP akan lebih kompetitif dan tidak berat sebelah.

Dalam kes pertama, 1MDB membeli Mastika Lagenda Sdn Bhd yang memiliki 75 peratus saham Genting Sanyen pada Ogos lalu dengan nilai RM2.55 bilion.

Harga itu enam kali lebih tinggi daripada nisbah harga-buku purata saham penjana kuasa lain di rantau ini.

Manakala dalam kes kedua, 1MDB membeli Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd daripada jutawan Tan Sri Ananda Krishnan dengan kos pembelian saham berjumlah RM 8.5 bilion pada Mac lalu.

Pengarah Komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, tindakan membeli Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd itu memberikan keuntungan berlipat ganda kepada Ananda.

Beliau mendakwa Ananda meraih keuntungan berjumlah RM1.9 bilion daripada penjualan itu.

"Sebarang nilai lumayan kepada IPP adalah tidak munasabah, namun disebalik jaminan daripada Suruhanjaya Tenaga.

"Masih wujud lagi perjanjian IPP yang berat sebelah seperti dahulu yang merugikan Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pembayar cukai," kata Nik Nazmi.

Di dalam kes Mastika Lagenda Sdn Bhd, adalah lebih murah untuk membina penjana kuasa baru bersaiz sama daripada membeli penjana kuasa milik Genting ini yang sudah berusia 17 tahun.

Nik Nazmi turut mempersoalkan mengapa 1MDB tidak membeli sahaja saham Genting Sanyen yang dimiliki Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebanyak 25 peratus.

# Anwar pernah arah BNM henti niaga mata wang



*SERIUS... Anwar melahirkan kegusaran beliau tentang peningkatan hutang negara ke paras yang membimbangkan dengan defisit yang terus meningkat dalam satu sidang media di lobi Parlimen. Kelihatan juga di gambar, beberapa orang Ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat*

**Oleh NORHAYATI UMOR**

**KUALA LUMPUR** - Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah mengarahkan Bank Negara Malaysia (BNM) menghentikan urus niaga pertukaran mata wang asing ketika berada dalam kerajaan.

Arahan itu dakwa Anwar diberikan kepada Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaafar Hussein ketika itu.

"Saya pasti BNM mempunyai rekod dan sahkan apa yang saya sebut.

"Saya selaku Menteri Kewangan ketika itu minta (perniagaan itu) dihenti serta-merta. Perniagaan forex (mata wang) dibuat sebelum 1990, sebelum saya menjadi Menteri Kewangan.

"Perniagaan forex ini dilakukan dengan kebenaran Menteri Kewangan sebelum itu dengan persetujuan Perdana Menteri ketika itu," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen.

Anwar membuat penjelasan selepas Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin mencelah mengatakan Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang pernah meminta Anwar meletakkan jawatan berikutan kerugian itu pada tahun 1993.

Sementara itu, Ketua Umum PKR itu juga memaklumkan jumlah kerugian yang dialami BNM dalam pasaran pertukaran wang asing (Forex) pada tahun 1991 boleh dijelaskan oleh Gabenor BNM sekarang, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Ini kerana Zetty adalah antara orang yang bertanggungjawab dalam isu itu selain Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcob yang ketika itu memegang jawatan Pentadbir Kanan BNM.

Timbalan Menteri Kewangan, Donald Lim sebelum itu memberitahu Dewan Rakyat bahawa BNM rugi RM5.7 bilion pada 1992, seperti dilaporkan dalam laporan tahunannya pada 1993.

Anwar menambah terdapat pengakuan mengenai kerugian, bagaimanapun ia dinafikan.

"Saya dah bercakap dengan Tan Sri Jaafar. Dia beri penjelasan walaupun belum mendapat maklumat.

"Walaupun dia (Jaafar) tak bertanggungjawab secara langsung langsung, tapi dia pilih untuk meletakkan jawatan. Peliknya Nor Mohamed Yakcop pula diangkat sebagai Menteri," katanya.

# Kawalan udara tergendala, PKR tuntut penjelasan

**SUBANG** - PKR menggesa Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) menjelaskan bagaimana Pusat Kawalan Udara Kuala Lumpur tergendala minggu lalu berikutan kegagalan radar dan radio berfungsi sepenuhnya.

Berikutan insiden itu, ruang udara Malaysia tidak dapat dikawal hingga menyebabkan semua penerbangan dibatalkan dan kawalan trafik udara diserahkan kepada negara jiran, kata Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar.

Beliau turut mendedahkan laporan interim DCA oleh kontraktor penyelenggaraan sistem pada 12 September, jam 2.50 pagi bagi membuktikan perkara tersebut.

Menurutnya, syarikat yang bertanggungjawab mengawal selia sistem berkenaan adalah Advance Air Traffic System Sdn Bhd (AAT), manakala syarikat yang membangungkan sistem tersebut adalah Selex Sistemi Integrati (Selex).



*Nurul Izzah Anwar*

"Kami sebelum ini kemukakan permintaan supaya audit bebas dilaksanakan, namun kementerian dan DCA hanya perlekehkan perkara tersebut serta memperkecilkan kecacatan sistem yang bernilai RM125.4 juta," katanya dalam sidang media di hadapan Pusat Sistem Kawalan Udara Kuala Lumpur, di Subang, di sini.

Hadir sama, Naib Presiden PKR, Tian Chua dan N Surendran serta Ketua Biro Keselamatan PKR, Brigadier Jeneral (B) Datuk Abdul Hadi Abdul Khatab.

Beliau juga mempersoalkan bagaimana kementerian berkenaan dan DCA membenarkan sistem tersebut beroperasi tanpa sokongan sistem interim.

"Kita mesti pastikan semua projek berkaitan keselamatan dalam sektor penerbangan tidak dianugerah kepada syarikat tidak memiliki kemampuan teknikal, pada waktu ini dan masa hadapan," kata Izzah lagi.

# Selepas 37 tahun baru kini dapat hak milik tanah

**SABAK BERNAM** - Seorang petani berusia 60 tahun yang menghabiskan hampir separuh usianya menetap di Kampung Bagan Terap, Sungai Panjang di sini bersyukur impiannya mendapatkan hak milik tanah dimakbul juga akhirnya.

Abu Bakar Hashim melafazkan rasa syukur itu ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian Hakmilik Tanah dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, di sini.



*Menteri Besar menyampaikan geran kepada salah seorang pemilik*

"Pak cik sudah duduk di kampung ini dalam 37 tahun dan lebih 10 tahun memohon hak milik tanah ini, tetapi baru sekarang pak cik dapat.

"Gembira dan syukur sangatlah bila dapat ini," katanya yang kelihatan begitu gembira.

Beliau adalah antara 111 penerima dari Bagan Sungai Burung, Sungai Besar serta Bagan Terap, Parit 18 Tanjung Medan dan Kampung Hala Cara Baru di Sungai Panjang yang layak mendapat hakmilik tanah atau notis 5A selain 86 orang menerima bantuan SMUE daripada Kerajaan Negeri.

Seorang lagi peserta, Che Aminah Shahrin, 70, bekas pekerja ladang dari Kampung Hala Cara Baru berkata, sememangnya Kerajaan Negeri bertindak betul kerana ramai penduduk yang menetap di kampung ini lebih daripada 20 tahun.

"Mak cik pun sudah tinggal lebih 20 tahun. Jadi dapat geran hak milik tanah ini memang seronoklah," kata ibu kepada empat anak yang kematian suami tujuh tahun lalu.



***Che Aminah Shahrin***



***Abu Bakar Hashim***

Sementara itu, Abdul Khalid dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri mengamalkan konsep pembangunan bersama dengan semua rakyat tanpa mengira kaum menikmati hasil negeri ini.

Menurutnya, rakyat berhak ke atas hasil negeri dan pemimpin dipilih hanya perlu menjalankan tanggungjawab mengurus dengan baik.

"Konsep digunakan dengan menguruskan harta negeri Selangor di mana pemimpin tak boleh boros. Dengan cara itu perbelanjaan kita cukup dan simpanan bertambah," katanya.

Beliau berkata, pelbagai program dibuat Kerajaan Negeri seperti pemberian hak milik tanah itu dibuat secara berterusan demi kebaikan rakyat Selangor.

Tambahnya, rakyat yang layak akan mendapat hak milik itu dan Kerajaan Negeri akan bersikap adil.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri, Ronnie Liu; Adun Sekinchan, Eng Suee Lim dan Pegawai Daerah Sabak Bernam, Mohd Zainal Mohd Nor.

# Ribuan bantah filem hina Nabi di kedutaan AS

**KUALA LUMPUR** - Lebih 5,000 umat Islam berarak ke Kedutaan Amerika Syarikat (AS)bagi menyerahkan satu memorandum yang menuntut tindakan tegas dari kerajaan AS bagi menghentikan provokasi terhadap umat Islam.

Namun, memorandum berkenaan hanya berjaya diserahkan kepada ketua keselamatan kedutaan terbabit ekoran keengganan wakil kedutaan menerima memorandum.

Perhimpunan itu juga menggesa AS menarik balik penayangan 'Innocence of Muslims' dan mengenakan tindakan tegas terhadap pengarah Sam Bacile yang mengambarkan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang yang hina, lemah dan gila seks.

Ketua Pemuda PAS, Nasruddin Hassan Tantawi mendesak kerajaan AS mengambil serius kecaman umat Islam di seluruh dunia dan memulihkan kembali hubungan antara Islam dan dunia barat.

Selain Nasruddin, wakil pimpinan yang hadir menyerahkan memorandum adalah Ketua Penerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub,




*Ribuan umat Islam berarak ke Kedutaan Amerika bagi menyatakan bantahan ke atas filem yang menghina Nabi Muhamad SAW*

Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, Tian Chua, N Surendren, serta wakil NGO, Pengerusi Teras, Azmi Abdul Hamid.

Turut bergema laungan 'Allahuakhbar', 'Hidup Islam' dan 'Hancur Yahudi' selain beberapa sepanduk 'Kami Akan Mempertahankan Rasulullah'.

Bagi Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, kehadir an umat Islam secara aman pada hari ini membuktikan Islam mencetuskan huruhara dan menghina kepercayaan agama lain meskipun berlakunya pembunuhan Duta Amerika Syarikat di Libya minggu lalu.



## Sehingga Julai Selangor catat pelaburan RM7 bilion

**SABAK BERNAM** - Selangor terus berjaya mengatasi negeri lain di dalam negara dengan jumlah pelaburan kira-kira RM7 bilion sejak Januari hingga Julai lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, perkembangan ekonomi global yang tidak menentu, tidak sedikit pun menjejaskan minat pelabur untuk terus menanam modal di negeri ini.

Beliau berkata, keyakinan pelabur itu adalah petanda baik bagi pertumbuhan ekonomi di Selangor.

"Setakat ini Selangor masih mencatat jumlah pelaburan terbesar di Malaysia.

"Terbaru, pihak Thailand juga berminat untuk melabur di negeri ini dengan menyatakan bila berjaya dalam pelaburan ini taraf mereka akan meningkat," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hak milik tanah dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) Fasa 2, di sini.

Abdul Khalid berkata, pelaburan berterusan ini akan membuka banyak peluang perdagangan, seterusnya pekerjaan di Selangor.

> **"Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti beberapa pelabur berpotensi antaranya dari China, Jepun dan Korea yang dijangka akan membuat pelaburan dan operasi di negeri ini tidak lama lagi"**
>
> **- ABDUL KHALID**

Katanya, rakyat Selangor akan mendapat faedah yang banyak tanpa perlu berhijrah ke negeri lain untuk bekerja.

"Berbanding negeri lain seperti Sabah, rakyatnya perlu keluar untuk mencari kerja," katanya.

Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti beberapa pelabur berpotensi, antaranya dari China, Jepun dan Korea yang dijangka akan membuat pelaburan dan operasi di negeri ini tidak lama lagi.

# Daripada penjual kelapa salai, akhirnya jadi Menteri Besar

**Oleh NAZLI IBRAHIM**

**PETALING JAYA** - Memandang dengan wajah yang sayu, anak itu dan neneknya tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyelamatkan rumah salai kelapa daripada rentung dijilat api.

Pada hari itu, bukan sahaja punca pendapatan keluarganya hilang, malah dia harus mencari jalan melangsaikan upah yang perlu dibayar kepada beberapa orang perkerja.

Tertekan dengan kejadian itu, semangatnya tidak patah, malah dia mampu berdiri di hadapan keluarga bagi menyatakan kesediaannya untuk bertanggungjawab atas kejadian yang menimpa, sedangkan ketika itu usianya baru 12 tahun.

Akibatnya, anak itu kehilangan biasiswa persekolahan dan terpaksa membuat kerja sambilan dengan mengajar matematik kepada anak-anak seorang tauke Cina yang bersekolah di darjah tiga dan empat.

Akhirnya, hasil titik peluhnya, anak kampung itu berjaya meringankan beban yang ditanggung keluarganya.

Peristiwa kebakaran rumah salai itu memberi kesan sangat mendalam di hati kecil anak itu dan masih kekal dalam ingatannya.

Pada 1979, 21 tahun selepas kejadian kebakaran rumah salai neneknya, anak kecil yang pernah menjual kelapa salai itu adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Permodalan Nasional Berhad.



*IKON... Menteri Besar mendukung cucu beliau Ariff Fitri Fairuz, bersama isteri dan anak-anak pada majlis pelancaran buku sulung beliau*

Dua tahun kemudiannya, nama penjual kelapa salai itu menjadi sebutan masyarakat dan korporat antarabangsa.

Ini atas kejayaannya menguasai operasi 'dawn raid' di Bursa Saham London dengan 'membawa pulang' syarikat ladang kelapa sawit gergasi Malaysianized Guthrie (kini dikenali sebagai Kumpulan Guthrie Bhd).

Dua puluh tujuh tahun selepas kejayaan 'dawn raid', anak itu dinobatkan pula sebagai Menteri Besar Selangor yang ke-14.



*Menteri Besar menurunkan tandatangan pada buku beliau*

## Selit tip-tip berguna untuk berjaya

Demikian antara liku-liku kehidupan yang pernah ditempuhi Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang sempat dirakamkan beliau dalam buku sulungnya, 'Fearless: From Kampung Boy To CEO'.

Buku tersebut dilancarkan isteri Menteri Besar Selangor, Puan Sri Salbiah Tunut dalam satu majlis yang diadakan di Hotel Sunway Pyramid.

Selain menceritakan pengalaman beliau ketika meningkat dewasa, Abdul Khalid turut menyelitkan tip-tip berguna dalam mengejar impiannya untuk dikongsikan bersama masyarakat.

Antara pengajaran penting yang dikongsikan Abdul Khalid dalam buku setebal 76 halaman ini, beliau amat menitikberatkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan tugas.

Selain isi kandungan yang padat dengan pengalaman perit dan lucu, buku ini bertambah menarik kerana dipersembahkan dengan gaya penyampaian seolah-olah Abdul Khalid berkomunikasi secara intim dan mesra dengan pembaca.

Menurut Abdul Khalid, hasil jualan buku yang berharga RM25 senaskhah ini akan disumbangkan ke rumah-rumah kebajikan.

Buku ini sudah pun berada di pasaran dan boleh didapati di kedai-kedai terkemuka.

**SelangorKini**

**SIDANG REDAKSI**

**PENASIHAT**
Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz
**KETUA PENGARANG**
Sheridan Mahavera Mohd Shakir
**PENGARANG BERITA**
Najib Hashim
**PEN. PENGARANG BERITA**
Mohd Ezli Mashut
**PEMBANTU PENGARANG**
Rusidah Salim
**WARTAWAN**
**Afix Redzuan:** afixredzuan@gmail.com
**Afeeqa Afeera:** afeeqa_afeera@yahoo.com
**Hafizan Taib:** hafiztaib@yahoo.com
**Norhayati Umor:** chayunkyatt@gmail.com
**JURUGAMBAR:**
Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Helmy Dawi
**GRAFIK & REKALETAK**
Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43,Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856
Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Konsep mesra alam ciri utama Rumah Kos Rendah


*Menteri Besar serta para Exco melihat hasil ciptaan kumpulan 'Superblock' yang menjuarai pertandingan*

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, konsep Rumah Mampu Milik (RMM) haruslah berkonsepkan *green building,* mesra alam sekitar dan berfungsi sebagai pusat pembangunan komuniti berpusat.

Justeru beliau berharap pertandingan reka bentuk rumah mampu milik (RMM) anjuran Kerajaan Selangor ini mampu merangka satu garis panduan baru bagi pembangunan RMM.

"Kita harap agar idea yang diserlahkan oleh para pelajar ini dapat menghasilkan bangunan dengan kos yang berpatutan di pihak pemaju dan mampu dibayar pembeli," kata beliau dalam Majlis Anugerah Rekabentuk Rumah Mampu Milik Selangor, di Lobi Bangunan SUK.

Dalam pertandingan tersebut, kumpulan pelajar arkitek dari UiTM Shah Alam memenangi tempat pertama.

Kumpulan itu yang dinamakan 'Superblock' menerima wang tunai RM12,000 berserta sijil.

Manakala tempat kedua dimenangi kumpulan 'Rekabentuk S&V Residents', juga dari UiTM Shah Alam yang menerima RM8,000.

Tempat ketiga pula dimenangi kumpulan 'Rekabentuk Urban Renewal Openness' dari UiTM Seri Iskandar, Perak.

Tujuh perserta lain menerima hadiah sagu hati RM1,000.

Pertandingan anjuran bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor itu disertai 65 peserta dari empat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pertandingan bermula 10 September lalu dan diadili tujuh juri profesional yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad.

## 'Masjid Angkat' bawa belia dekati masjid

**BESTARI JAYA** - Kerajaan Negeri kini lebih inovatif dalam usaha menggerakkan anak-anak muda mendekati masjid dengan program melibatkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di setiap DUN.

Antaranya, Kerajaan Negeri memperkenalkan program 'Anak Muda Dekati Masjid' di mana setiap PeBT harus mempunyai sebuah 'masjid angkat' untuk dijaga dan diselenggara dengan baik.

Baru-baru ini bertempat di Masjid Al-Awwabin, kira-kira 50 orang belia berkumpul untuk kerja-kerja menaik taraf tandas masjid bermula seawal 8 pagi.

"Saya selaku warga belia rasa seronok dan ringan untuk melakukan aktiviti sebegini. Bukan sahaja dapat berbakti dengan masjid yang kami kunjungi, tetapi juga mampu beri keselesaan pada jemaah dan musafir yang singgah," ujar Pengerusi PeBT Zon 4E, Mohd Nadzril Beedin, 28.

Beliau menambah, segala peruntukan menaik taraf tandas tersebut dibiayai Kerajaan Negeri di bawah seliaan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI).

Sementara itu, Nazir Masjid Al-Awwabin, Mohamad Ariffin, 58, memuji penganjuran program tersebut yang disifatkan sebagai usaha menarik minat anak muda ke masjid.


*Anak muda ringan tangan membersihkan kawasan masjid*





*Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali, memberi rawatan serta khidmat nasihat sewaktu Program Kesihatan Percuma anjuran JKKK Sungai Udang dengan kerjasama pejabat Adun Selat Kelang dan Pasukan Medic Yayasan Amal Malaysia*



*TURUN PADANG... Kerjasama yang baik diberikan penduduk sewaktu Program Gotong-Royong Zon Bersih, Kempen Anti Kutu Sampah dan Anti Denggi yang bertempat di sekitar kawasan rumah Pangsa Gugusan Dedap, Kota Damansara. Kelihatan Adun Kota Damansara, Dr Nasir Hashim, menanam pokok pada program tersebut*



*BAKAT... Adun Hulu Kelang, Saari Sungib bergambar kenangan dengan sebahagian peserta pertandingan mewarna sewaktu menghadiri Festival Jalanan dan Festival Silat Daerah Gombak yang berlangsung di Dataran Bandar Baru Selayang*



*UKHUWAH... Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, bersama petugas Pusat Khidmat DUN Bangi, mengadakan program ziarah sekitar Sungai Ramal Luar*



*Kecerian jelas terpancar pada peserta 'Jom Shopping' dan Adun Sekinchan, Ng Suee Lim sewaktu membeli-belah di Pasaraya Billion, Tanjong Karang*




*Adun Chempaka, Iskandar Samad dan isteri melancarkan Kelab Iskandar Samad di Blue Dragon Cafe. Kelihatan juga Ahli Majlis Ampang Jaya, Lee Shok Jing (bawah, kanan)*



*COMEL... aksi kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam persembahan nasyid sewaktu Majlis Ramah Mesra di Bandar Seri Putra, Bandar Baru Bangi*



*SEMANGAT.... sebahagian daripada kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam Kejohanan Skuasy Terbuka MBPJ 2012, gembira bersama hadiah dan cenderahati yang diterima*



*Nurul Izzah Anwar berserta rombongan mengadakan lawatan silaturahim ke Pejabat Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) daerah Petaling*

# Insentif Kerajaan Negeri bakar semangat atlet SUKMA 2012

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Atlet renang Selangor, Caroline Chan, 17, gembira apabila pencapaian pingat emas ketika Sukan Malaysia 2012 (Sukma 2012) di Kuantan baru-baru ini mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri.

Ditemui dalam Majlis Penyerahan Insentif Kontinjen Selangor Sukma 2012 di Kediaman Rasmi Menteri Besar, baru-baru ini, pemberian insentif seumpama ini mampu memberi semangat kepada para atlet untuk lebih berusaha keras pada masa akan datang.



*Caroline Chan*

Beliau menerima RM13,000 daripada insentif keseluruhan RM872,000 yang diperuntukan Kerajaan Negeri.

"Seperti hari ini, dengan insentif yang diterima, secara automatik semangat saya untuk mencapai kejayaan lebih besar pada kejohanan lain melonjak naik," ujarnya yang berjaya memecah rekod Sukma dalam acara 50 meter kuak lentang dengan catatan masa 30.34 saat.

Beliau yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada November ini turut berjaya memperolehi dua pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa pada Sukma lepas.



*Dr Yunus Hairi bergambar kenangan dengan pasukan hoki Selangor pada majlis penyampaian insentif*



> **"Terima kasih Kerajaan Negeri dengan pemberian insentif kepada kami para atlet, kami rasa penat lelah kami dihargai"**
>
> **- SHAUN YAK KAH CHOON**
> altlet renang

Sementara itu, rakannya, Shaun Yak Kah Choon, 17, juga seorang atlet renang turut menerima insentif berjumlah RM13,000 selain mencatat rekod baru Sukma dalam acara 50 meter kuak dada dengan catatan masa 29.94 saat.

"Sebagai peserta yang pertama kali menyertai Sukma, memenangi pingat, mencipta rekod baru, seterusnya mendapat insentif hari ini, ternyata semua ini adalah amat manis buat saya.

"Terima kasih Kerajaan Negeri dengan pemberian insentif kepada kami para atlet, kami rasa penat lelah kami dihargai," jelas Shaun.

Dalam majlis yang sama, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menyarankan agar industri sukan di negeri ini melalui proses anjakan paradigma bagi menjadikan sukan sebagai satu industri yang kompetitif dan berdaya saing, selaras dengan status Selangor sebagai sebuah negeri maju.

"Sukan seharusnya dibangunkan, diolah semula dan bukan sekadar satu aktiviti sampingan sahaja seperti yang kita lihat (sukan) dalam 25 tahun sebelum ini," ujarnya di hadapan kira-kira 200 hadirin yang hadir.

Mengambil contoh pencapaian industri sukan luar negara, beliau berkata industri sukan jika dijaga dan diuruskan dengan baik mampu memberi pulangan yang besar dari segi ekonomi.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 23 pasukan dan sepuluh atlet diraikan Kerajaan Negeri.

Kontinjen Selangor berjaya bergelar Naib Johan pada Kejohanan Sukma 2012 yang lalu dengan kutipan 47 pingat emas, 54 pingat perak dan 60 pingat gangsa.



[ koleksi hartanah 2012 ]

pilihan bervariasi

KOLEKSI PKNS 2012 COLORS OF LIFE

21 SEPT - 3 OKT

KOLEKSI COLORS OF LIFE 2012 KEMBALI LAGI DENGAN TAWARAN YANG LEBIH HEBAT!




RUMAH BERKEMBAR @ KUANG PERDANA



SACC MALL
10 pg - 8 mlm

REKABENTUK. GAYA. CITARASA. Koleksi Hartanah PKNS 2012 menawarkan kepelbagaian kediaman dengan pilihan lokasi yang strategik. Apa jua pilihan anda, sama ada kediaman berkonsep kejiranan bertema ataupun kontemporari, PKNS merealisasikan impian anda untuk memiliki kediaman yang sempurna!



VEGA RESIDENSI @ SELANGOR SCIENCE PARK 2



RUMAH KLUSTER KONTEMPORARI @ BERNAM JAYA



BANGLO LUAS & MODEN @ TAMAN BAYU ALAM

AKTIVITI-AKTIVITI MENARIK UNTUK SEKELUARGA!

PELBAGAI HADIAH UNTUK DIMENANGI bagi pembeli bertuah!*

* tertakluk kepada terma dan syarat

48 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisasi Impian

PKNS

WINNER OF THE PRESTIGIOUS BCI ASIA TOP 10 PROPERTY DEVELOPERS AWARD 2 YEARS RUNNING

TOPTEN DEVELOPERS 2011+2012

www.pknsproperty.com
1800.88.7567

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor • Bahagian Jualan Hartanah, Tingkat 2, Kompleks PKNS, Persiaran Tasik, 40505 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan • Informasi yang terkandung dalam iklan ini tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh dianggap sebahagian daripada sesuatu tawaran atau kontrak. Pemaju tidak boleh dipertanggungjawapkan jika terdapat sebarang butiran yang tidak tepat.

# Kilang haram di Batu 8 diberi notis

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Pengusaha kilang besi dan aluminium haram yang beroperasi secara haram di Batu 8, Jalan Bukit Kemuning sejak lima tahun lalu diberi saman dan notis mengosongkan premis terbabit dalam tempoh dua minggu.

Notis dikeluarkan Jabatan Perancangan dan Kawalan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang membuat lawatan mengejut bersama Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei ke kawasan kilang yang dibina di kawasan perumahan.

**Kini, sebuah lagi kilang haram yang baru dibuka di bahagian belakang rumah mereka sejak tiga bulan lalu menjadikan rumah mereka dihimpit kedua-dua kilang itu**

Penduduk mendakwa mereka bukan sahaja tidak tahan dengan bunyi bising, malah ia juga mengancam nyawa penduduk kerana kekerapan lori keluar masuk di jalan utama perumahan itu.

Lebih teruk lagi, kilang haram itu dikatakan beroperasi setiap hari dari jam 8 pagi sehingga 11 malam.

Kini, sebuah lagi kilang haram yang baru dibuka di bahagian belakang rumah mereka sejak tiga bulan lalu menjadikan rumah mereka dihimpit kedua-dua kilang itu.

Malah, penduduk turut berhadapan dengan masalah habuk yang menyebabkan kediaman dan kenderaan mereka berhabuk serta disaluti cat akibat penyemburan cat daripada kilang terbabit.

Penduduk, A Ragueathi, 32, berkata, penduduk berasa rimas dengan pencemaran berkenaan.

Katanya, sudah banyak kali teguran dibuat ke atas pemilik kilang itu, bagaimanapun tidak diendahkan.

"Kami sudah tidak tahan dengan bunyi bising dan habuk disebabkan masalah ini, kerana rumah kami mempunyai kanak-kanak, hendak tidur juga tidak lena sebab terlalu bising.

"Kami juga sudah penat kerana banyak kali menegur pemilik kilang ini tetapi mereka buat tidak endah seolah-seolah tiada apa-apa yang berlaku," katanya ketika ditemui wartawan Selangor Kini.





*Meninjau kilang haram yang dibina di belakang rumah.*
*Gambar kecil: Kilang haram dari pandangan luar*

JKR

**KENYATAAN TENDER**
**JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan)** | Taraf/Jenis Syarikat * | Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **JKR Caw. Kejuruteraan Mekanikal Negeri Selangor** | Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji Serta Mengujiterima Pemasangan Gantian Dua (2) Unit Lif Di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. ***No. Tender: JKR/SEL(N)/014(T)/2012*** ***Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor*** | Terbuka | PKK Kelas : A, B, C Dan D Sahaja. Kepala : III Sub. Kepala: 2 **Dan** (CIDB) | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Selangor Shah Alam. Pada 01/10/2012 (Isnin) hingga 15/10/2012 (Isnin) Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tghari 2.00ptg-4.00ptg Jumaat: 8.00pg-11.00 pg 2.45ptg- 4.00ptg | **RM 310.00 (Bank Deraf/ WangPos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor** | **JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada 23/10/2012 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tgh. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan t** |

**Lawatan Tapak (WAJIB) pada 28/09/2012 (Hari Jumaat) Jam 9.30 pagi bertempat di Muzium Sultan Alam Shah,Shah Alam, Selangor. Sebarang pertanyaan mengenainya, sila berhubung JKR Caw. Kej. Mekanikal Negeri Selangor di talian 03-5519 4041.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat di Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor bermula 01/10/2012.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN ATAU KAD PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTRAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / KEMENTERIAN KEWANGAN** dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkanya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat didalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja.*

* Jenis Syarikat Tempatan
T1 - Syarikat 100% milik tempatan
A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan pekerja adalah 100% warganegara.
A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
** Pembiayaan
(i) Pinjaman Bank Dunia Tender adalah juga dibuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China
(ii) Bank Pembangunan Asia Tender adalah terbuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia

# PKNS nafi terlibat aktiviti curi air

**SHAH ALAM** - PKNS Infra Berhad (PIB) menafikan penglibatan dalam aktiviti kecurian air di bandaraya ini sepertimana laporan akhbar New Straits Times bertajuk 'Water theft rap for PKNS arm' pada 20 September lalu.

Dalam satu kenyataan media, jurucakapnya berkata, PIB sebagai anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) tidak akan membiarkan pekara itu berlaku atau sebarang aktiviti sepertinya yang bertentangan dengan undang-undang.

"PIB melihat perkara ini dengan serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu dan/atau syarikat yang didapati bersalah terlibat dalam aktiviti tidak bertanggungjawab itu.

"Kami akan berikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa mengenai perkara ini," kata jurucakap itu.

Kenyataan itu seterusnya menjelaskan semua kontraktor dan subkontraktor terlibat dengannya dimestikan mematuhi garis panduan dan peraturan yang betul.

Menurutnya, PIB sentiasa memastikan semua garis panduan pengawalseliaan dipatuhi dan akan terus bekerja rapat dengan agensi-agensi berkaitan untuk menghalang kegiatan itu.

Dalam perkembangan itu, Iswarabena Sdn Bhd (Iswarabena) sudah membuat laporan polis setelah mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab menuduh kecurian itu.

"Satu salinan laporan juga disediakan untuk PIB dan PIB diberi kuasa untuk merujuk kepada kandungan itu. Dalam laporan itu, pihak yang bertanggungjawab dinamakan sebagai Babu a/l Pala yang digambarkan sebagai kontraktor bebas Iswarabena.

"PIB menegaskan bahawa kedua-dua Iswarabena dan Babu adalah pihak bebas dan tidak mewakili PIB. Oleh itu ia adalah salah dan tidak bertanggungjawab apabila melaporkan bahawa PIB bertanggungjawab dalam kejadian kecurian air itu," katanya.

**Info**

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal), Mohd Amin Abdul Manaf di talian 03 - 61418990 atau emel: amin@pknsinfra.com.my

# 92% pangsapuri kos rendah terima air percuma

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Sejak program pemberian air percuma dilancarkan Jun 2008, sehingga kini lebih satu juta penduduk yang menggunakan meter individu menikmati air percuma, termasuk penghuni pangsapuri kos rendah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid berkata, usaha memastikan pemberian air percuma dapat dinikmati penghuni pangsapuri kos rendah dilakukan sejak Jun 2010 lagi dan akan di teruskan selagi Pakatan Rakyat (PR) memerintah Selangor.

"Usaha tersebut dilakukan kerana kita tidak mahu rakyat miskin di rumah bertingkat kos rendah menjadi mangsa Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) yang merumitkan proses penukaran meter pukal kepada individu.

"Antara lain kita mewujudkan Skim Safwa (Skim Rebet Air Percuma) untuk membolehkan penghuni pangsapuri kos rendah mendapat manfaat air percuma," jelasnya dalam sidang media selepas Majlis Anugerah Rekabentuk Rumah Mampu Milik Selangor 2012 di sini, baru-baru ini.

Sejak skim tersebut dilancarkan pada Julai 2010 sehingga Julai 2012, lebih RM6 juta dibelanjakan untuk air percuma kepada penghuni pangsapuri kos rendah.

Rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) melaporkan sebanyak 214 kawasan melibatkan 58,049 unit pangsapuri kos rendah menerima air percuma menerusi Skim Safwa.

Manakala baki 18 kawasan atau 6, 666 unit lagi gagal melaksanakan tuntutan rebet air percuma kerana Badan Pengurusan Bersama (JMB) kekurangan tenaga kerja.

Katanya lagi, Skim Safwa turut ditambah baik menerusi 'Lapor dan Dapat', di mana setiap pangsapuri yang tercicir boleh terus mendaftar di Unit Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan membuat tuntutan secara terus kepada Syabas.

Bagi penghuni pangsapuri bukan kos rendah pula, mereka perlu memohon daripada Syabas untuk proses migrasi meter pukal kepada meter individu.

"Kerajaan Negeri turut tubuhkan pasukan khas bagi membantu proses migrasi ini bagi para penghuni pangsapuri bukan kos rendah untuk membantu melancarkan dan mempercepatkan proses tersebut," ujarnya.



*Abdul Khalid mendengar penerangan daripada peserta yang menyambil bahagian dalam pertandingan*

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**
Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**
www.mps.gov.my
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213





MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**
Rantaian Mesra Sdn Bhd,Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3,
Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza
Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan
SultanSalahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829
Laman Web http://www.skimsel.com

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com


# Pusat kebudayaan di tebing Sungai Klang

Oleh HAFIZAN TAIB

**SELAYANG** - Pusat kebudayaan yang menggabungkan budaya Melayu, Cina dan India di Selangor akan dibina di kawasan sekitar tebing sungai Klang tidak lama lagi.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, dengan wujudnya pusat kebudayaan tersebut, maka usaha memelihara dan mengembangkan adat budaya bangsa dapat diteruskan.

Menurutnya, dengan cara itu segala bentuk maklumat serta bahan berkaitan adat kebudayaan mengenai tiga bangsa utama di negara ini dapat ditempatkan dan ditunjukkan kepada umum untuk dihayati.

"Pembinaan pusat kebudayaan seperti ini adalah penting supaya adat budaya kita kekal, di samping terus membesar dan membangun seiring dengan kemajuan negara.

"Tiada gunanya jadi negara maju, tetapi hilang asasnya, iaitu adat budaya kita," katanya ketika berucapa di majlis peras-mian Festival Jalanan Daerah Gombak dan Festival Silat Selangor di sini, baru-baru ini.



***Menteri Besar menyiram air dalam upacara mandi perlimau adat sebagai memenuhi syarat penerimaan ahli baru Silat Gayong***

Turut hadir, isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut, Pengerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (Padat), Dr Shafie Abu Bakar, Ahli Parlimen Selayang, William Leong; Adun Rawang, Gan Pei Nei dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Datuk Zainal Abidin A'ala.

Dalam sidang medianya, Abdul Khalid merakamkan tahniah kepada Padat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi yang terlibat dalam menjayakan program itu.

Beliau berkata, usaha itu adalah membanggakan dan perlu disokong demi mengangkat adat budaya tradisional kita.

"Selepas ini akan diadakan lagi program berkaitan adat budaya dari daerah ke daerah di dalam Selangor," katanya.

# Seramai 160 warga emas dibawa membeli-belah

**SUBANG JAYA** - Program Jom Shopping yang diperkenalkan kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor terus mendapat sambutan menggalakkan apabila seramai 160 warga emas di DUN berkenaan dibawa membeli-belah.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata, melalui program ini warga emas dapat bersama-sama berkumpul dengan rakan-rakan sebaya dan membeli-belah sambil mengukuhkan semangat setiakawan dan merapatkan hubungan kekeluargaan.

"Selain dapat membeli-belah, ini adalah kesempatan yang baik bagi mereka untuk berjumpa dan bermesra dengan wakil rakyat.

"Apa yang kita lihat di kawasan Subang Jaya, warga emas mempunyai aktiviti tersendiri seperti senaman taici dan lain-lain. Jadi mereka juga bersama-sama datang ke program Jom Shopping secara berkumpulan untuk menunjukkan semangat setiakawan," katanya.



Tambah Hannah, sehingga kini seramai kira-kira 1,600 warga emas yang sudah mendaftar dengan program MES menyertai program Jom Shopping yang diadakan dua minggu sekali ini.

Beliau berkata demikian sewaktu menemani peserta Program Jom Shopping membeli-belah di Pasaraya Giant, Putra Heights.

Sementara itu menurut Noriah Babeji (***gambar kecil***), 73 berkata, program Jom Shopping dianggap satu bentuk penghargaan kepada warga emas di negeri ini yang telah banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

"Program seperti ini perlu diteruskan kerana dengan cara ini, rakyat dapat hampir dengan pemimpin," katanya.



***GEMBIRA... Hannah menemani pasangan warga emas, Hasan Ismail dan isteri, Teh Rokiah Shafiei, membeli-belah***

# MB: Jangan terpedaya provokasi krisis air

Oleh NAZLI IBRAHIM



Loy Sian (kanan) sedang berbincang sesuatu dengan wakil JMB

**PETALING JAYA** - Menteri Besar menganggap iklan fiksyen 'Krisis Air Selangor' untuk memburukkan imej Kerajaan Negeri sebagai cabaran untuknya terus menyusun semula industri air untuk kepentingan rakyat.

Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, iklan tersebut menunjukkan sikap buruk setengah pihak terhadap usaha Selangor menyusun semula industri air.

"Saya berharap pelakon-pelakon tambahan ini tidak menggunakan krisis air untuk menunjukkan keupayaan lakonan mereka," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, di sini.

Sebelum ini MCA didakwa sebagai dalang di sebalik penggambaran filem pendek yang merupakan sebahagian daripada kempen memburukan imej Kerajaan Negeri Selangor dalam mengurus sumber air di negeri ini.

Demikian menurut Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian kepada media ketika melawat kawasan penggambaran di Happy Mansion di sini.

Menurut Loy Sian, beliau mengetahuinya daripada sumber dalaman MCA sendiri dan juga berdasarkan penyertaaan tinggi daripada kalangan pelajar sebuah Institusi Pengajian Swasta di Petaling Jaya yang dikatakan dikuasai parti itu.

Bagaimanapun menurutnya, beliau akan mendedahkan butiran lanjut apabila filem yang melibatkan kira-kira 300 pelakon itu ditayangkan kelak.

Menurut Loy Sian, beliau juga menerima beberapa panggilan daripada penduduk yang tidak berpuas hati dengan tindakan mengadakan pengambaran di lokasi perumahan mereka.

"Persatuan penduduk di sini dibohong produser, mereka kata nak ambil gambar untuk kempen penjimatan air, tetapi ini bukan.

"Ini hanya nak kritik Kerajaan Pakatan Rakyat (PR), jadi penduduk terkejut.

"Kalau video klip itu disiarkan ramai terkejut, penduduk tak tahu, seolah-olah dia mempergunakan penduduk, tetapi matlamat sebenarnya mereka tak tahu," ujar Loy Sian.

Ketika penggambaran filem berdurasi 40 saat itu sedang dijalankan, wartawan Selangor Kini sempat mengikuti penggambaran beberapa adegan.

Antaranya, orang ramai berbaris panjang ditengah panas terik matahari untuk mendapatkan bekalan air dari sebuah lori tangki yang disediakan.

Beberapa orang di antara mereka juga kelihatan merungut dan memekik marah kerana terpaksa beratur panjang untuk mendapatkan air bagi keperluan harian.



Rakyat jadi mangsa kerakusan kuasa mereka yang tidak bertanggungjawab

## WAKTU SOLAT SELANGOR

28 SEPTEMBER - 5 OKTOBER 2012
12 - 19 ZULKAEDAH 1433

**Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 Jumaat | 5:36 | 5:46 | 7:02 | 1:07 | 4:16 | 7:08 | 8:17 |
| 29 Sabtu | 5:36 | 5:46 | 7:02 | 1:06 | 4:16 | 7:08 | 8:17 |
| 30 Ahad | 5:35 | 5:45 | 7:01 | 1:06 | 4:16 | 7:07 | 8:16 |
| 1 Isnin | 5:35 | 5:45 | 7:01 | 1:06 | 4:16 | 7:07 | 8:16 |
| 2 Selasa | 5:35 | 5:45 | 7:01 | 1:05 | 4:16 | 7:07 | 8:16 |
| 3 Rabu | 5:35 | 5:45 | 7:01 | 1:05 | 4:16 | 7:06 | 8:15 |
| 4 Khamis | 5:34 | 5:44 | 7:00 | 1:05 | 4:17 | 7:06 | 8:15 |
| 5 Jumaat | 5:34 | 5:44 | 7:00 | 1:04 | 4:17 | 7:05 | 8:14 |

**Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat**

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 Jumaat | 5:38 | 5:48 | 7:04 | 1:09 | 4:18 | 7:10 | 8:19 |
| 29 Sabtu | 5:38 | 5:48 | 7:04 | 1:08 | 4:18 | 7:10 | 8:19 |
| 30 Ahad | 5:37 | 5:47 | 7:03 | 1:08 | 4:18 | 7:09 | 8:18 |
| 1 Isnin | 5:37 | 5:47 | 7:03 | 1:08 | 4:18 | 7:09 | 8:18 |
| 2 Selasa | 5:37 | 5:47 | 7:03 | 1:07 | 4:18 | 7:09 | 8:18 |
| 3 Rabu | 5:37 | 5:47 | 7:03 | 1:07 | 4:18 | 7:08 | 8:17 |
| 4 Khamis | 5:36 | 5:46 | 7:02 | 1:07 | 4:19 | 7:08 | 8:17 |
| 5 Jumaat | 5:36 | 5:46 | 7:02 | 1:06 | 4:19 | 7:07 | 8:16 |

Unit Bumiputra Sahaja
Lokasi Yang Bagus
Dekat Subang Airport dan lain-lain



Rumah Teres Tiga Tingkat



Rumah Teres Dua Tingkat

KEMBANGAN KLASIK (M) SDN BHD (24065-V)
No. 21B, Lorong Dato Yusof Shahbudin 20, Taman Sentosa, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: 03-5161 2066 Fax: 03-5161 1066

Harga Jualan:
RM298,000
ke atas




• No. Lesen Pemaju: 9856-2/12-2014/1580 • Tempoh Sah: 20/12/2011-19/12/2014 • No.Permit & Iklan Jualan: 9856-2/63/2013(01) • Tempoh Sah: 09/01/2012-08/01/2013 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Shah Alam • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSA/BGN/BB/600-1(PS)/SEK.U5/0300-2010 • Bebanan Tanah: Tiada • Hakmilik Tanah: Pajakan 99 tahun & berakhir pada tahun 5/10/2103 • Tarikh Jangka Siap: Mei 2013 • Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat & 3 Tingkat -Jumlah unit: 44 unit • Harga Jualan: RM298,000(min)-RM1298,000(mak)

Selangor Kini

MASALAH SAMPAH?
Hubungi Talian Bebas Tol
1-800-88-2824

# Iklan krisis air direka untuk burukkan Kerajaan Negeri

Oleh NAZLI IBRAHIM



**DIPERALAT...** sebuah produksi dikesan menjalankan penggambaran di Petaling Jaya, kononnya bagi mengambarkan krisis air yang berlaku di Selangor. Gambar Kecil: Antara peralatan produksi yang digunakan

PETALING JAYA - Sebuah produksi filem dikesan menjalankan penggambaran yang menggambarkan situasi cemas krisis air bagi memburukkan Kerajaan Negeri Selangor.

Penggambaran dijalankan di sebuah pangsapuri yang terletak di Petaling Jaya itu melibatkan kira-kira 300 pelakon yang majoritinya bukan penduduk di situ.

Menurut beberapa pelakon, mereka dibayar RM50 setiap orang.

Malah ada di antara mereka termasuk beberapa krew juga tidak mengetahui tujuan penggambaran tersebut dibuat.

Selain itu menurut bekas Pengerusi JMB, Dr S Paramanathan berkata, bekalan air di rumah mereka pada masa ini ber-ada dalam keadaan baik, tidak seperti yang cuba digambarkan.

"Air di sini okey saja. Dulu ada juga, tapi disebabkan masalah pam atau kegagalan JMB bayar air kepada Syabas (Syarikat Bekalan Air Selangor)," kata beliau.

Beliau juga memberitahu, penduduk di situ berasa kesal keputusan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) memberi kebenaran penggambaran di buat di kawasan kediaman mereka.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Jenny mendakwa, beliau dimaklumkan pihak JMB dibayar sebanyak RM15 ribu oleh produksi sebagai sewa tapak lokasi pengambaran.

Beberapa penduduk yang ditemui juga melahirkan rasa kesal dengan tindakan JMB yang memberikan kebenaran penggambaran itu dijalankan di kawasan kediaman mereka.

Berdasarkan peralatan yang digunakan oleh produksi tersebut, ia dipercayai menelan kos yang besar.

Di lokasi penggambaran mendapati sekurang-kurangnya sebuah kren, beberapa lori pengangkut peralatan, termasuk generator besar, malah tandas bergerak, turut digunakan dalam penggambaran tersebut.

Menurut jurucakap produksi terlibat, Chong Wai Leng kepada media, di set penggambaran filem berdurasi 40 saat itu memaklumkan, pihaknya dilarang memberitahu siapa pelanggan mereka kerana terikat dengan kontrak.

"Kami dah tandatangan kontrak yang melarang kami berikan maklumat (nama pelanggan), jika kami langgar kontrak tersebut, kami akan disaman.

"Kami menjalankan kerja kami secara profesional, saya harap anda memahami situasi kami," kata Wai Leng.




Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh Angkatan Edaran Enterprise Sdn Bhd, Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16, 40200, Shah Alam. Tel: 03- 55196373 Faks: 03 - 55127985